

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 15, 2019 2:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: JALINAN UKHUWAH WARGA CUIC MANTAPKAN SEMANGAT BERPASUKAN



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OKTOBER 2019 / 16 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: CUIC

JALINAN UKHUWAH WARGA CUIC MANTAPKAN SEMANGAT BERPASUKAN



UUM ONLINE: Bertemakan *All for One, One for All*, Program *Teambonding* Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) membawa pendekatan yang penuh bermakna dalam kalangan warganya, baru-baru ini.

Mengambil penekanan kepada konsep susah senang bersama, warga CUIC didedahkan dengan pelbagai aktiviti penyelesaian masalah termasuk *Edu-tourism Race* sekitar kampus.

Program dalam dua fasa ini menyaksikan seluruh warga CUIC bertungkus-lumus meredah pelbagai lokasi di Lembah Sintok mencari petunjuk kepada tugas yang diberikan seperti Pusat Ekuin, Kebun Buluh Madu dan Muzium Pengurusan UUM.

Siti Nur Syafika Mohamad Tajudin, pelajar praktikum dari Universiti Sultan Azlan Shah yang pertama kali menjejakkan kaki ke Muzium Pengurusan UUM mengakui banyak ilmu yang diperolehi.

“Saya tidak menyangka banyak tempat menarik di UUM dan akan membawa kawan-kawan untuk datang ke sini,” ujarnya.

Manakala, dalam fasa kedua sesi sehari bersama Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek di Langkawi bertujuan mengenalpasti cabaran yang dihadapi sepanjang tahun ini dan hala tuju yang boleh memperkasakan peranan CUIC.

Marlin berkata, gandingan program dua dalam satu ini adalah usaha untuk menerapkan nilai-nilai bersama dalam kalangan warga CUIC sebagai ruang untuk menghargai dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas untuk memastikan fungsi dan operasi CUIC berjalan lancar.

“Sepanjang program dua hari ini, staf telah diberi pendedahan dengan pelbagai peranan dalam aktiviti yang disediakan bagi menerapkan kebersamaan secara langsung sebagai satu keluarga besar di CUIC tanpa mengira latar belakang.

“Program seperti ini akan cuba dilaksanakan setiap tahun kerana saya tahu staf berusaha keras, lebih-lebih lagi dengan penambahan fungsi baru di CUIC iaitu Bahagian Jaringan Masyarakat yang merupakan KPI Universiti,” tambahnya.

Pada Majlis Anugerah dan Penghargaan Staf CUIC, staf turut diraikan antaranya Rahana Ramli, Anugerah Staf Paling Dedikasi, Ismawati Ismail, Anugerah Staf Paling Mesra, Norhashima Husin sebagai penerima Anugerah Staf Kehadiran Terbaik dan Norannajah Mohamad Salleh pula sebagai penerima Anugerah Staf Inovatif dan Kreatif.

Kriteria yang dinilai seperti kehadiran, disiplin melibatkan ciri-ciri yang ditunjukkan oleh mereka iaitu berilmu, berbudi, berbakti, berhemah dan berjiwa besar serta menunjukkan komitmen yang tinggi sepanjang bertugas di CUIC.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.